

21 FEB 1998

Mahathir-Umno

IKUT PERATURAN, DR MAHATHIR PERINGATKAN ANGGOTA UMNO

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua anggota Umno supaya mematuhi setiap peraturan parti dan undang-undang negara ketika mengendalikan mesyuarat peringkat cawangan dan bahagian.

Beliau berkata mereka tidak patut mengambil tindakan melulu seperti bergaduh dan membuat rusuhan sehingga menimbulkan kekecohan.

"Jangan kita buat rusuhan walaupun kita tidak bersetuju. Kita masih boleh merujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin serta Majlis Tertinggi.

"Majlis Tertinggi akan memutuskan dan apa jua keputusan hendaklah diterima. Kalau tidak tak adalah peraturan-peraturan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai dua anggota Umno yang dihadapkan ke Mahkamah Majistret Melaka hari ini kerana tuduhan bergaduh dan menimbulkan kekecohan pada mesyuarat agung Umno cawangan Permatang Pasir, Ahad lepas.

Mohamad Yusof, 33 dan Rahman Abdullah, 29 kedua-duanya dari Kampung Permatang Pasir didakwa mengikut Seksyen 160 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman denda maksimum RM200 atau sebulan penjara.

Mohamad yang mengaku salah, dihukum penjara sehari dan denda RM200 atau lima hari penjara.

Rahman yang tidak mengaku bersalah diperintah oleh mahkamah supaya diikat jamin RM1,000 dengan seorang penjamin. Sebutan kes ditetapkan pada 9 Mac depan.

Sebelum itu, pada satu majlis berasingan pagi ini, Dr Mahathir berkata keadaan semakin bertambah baik menjelang mesyuarat dan pemilihan bahagian bulan depan.

"Kita tidak haramkan pemilihan tetapi di mana tak perlu, tak usahlah ada pemilihan. Kalau pun diadakan pemilihan cuma kerana orang tertentu nak jadi pemimpin sahaja dan dia pun lebih kurang aje, tak payahlah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) di Pusat Islam. -- BERNAMA

HS AH RON